

18 JUN 1998

Komanwel-Artis

ARTIS TEMPATAN DIBERI KEUTAMAAN SEMASA SUKAN KOMANWEL

Oleh: Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Artis-artis tempatan tetap diberi keutamaan semasa temasya Sukan Komanwel, September ini dan tidak timbul soal patriotik jika artis luar negeri dijemput, kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, Jawatankuasa Eksekutif Sukan Komanwel yang dipengerusikannya belum membuat keputusan sama ada artis luar akan dibawa masuk dan jika ada pun, hanya seorang dua sahaja.

"Keutamaan tetap pada artis tempatan. Malah semasa perasmian Kompleks Sukan Negara (KSN) 11 Julai ini, artis tempatan yang akan membuat persembahan," kata beliau pada sidang akhbar perasmian KSN yang akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 11 Julai ini.

Muhyiddin mengulas laporan bahawa artis tempatan tersinggung dan kesal dengan Sukom Ninety Eight Berhad yang mengundang beberapa penyanyi Barat pada acara penutup sukan itu.

Katanya, acara hiburan yang akan diadakan sebelum upacara pembukaan pada 11 September akan dijayakan oleh artis-artis tempatan dan cadangan menjemput artis luar semata-mata kerana acara itu bertaraf antarabangsa dan turut disaksikan oleh rakyat asing.

"Memang kita mahu tonjolkan imej Malaysia semasa sukan itu tetapi tidak salah beri sedikit ruang pada persembahan luar. Saya harap dengan kenyataan ini, tidak bangkit lagi soal tak patriotik," kata beliau.

Mengenai penajaan Sukan Komanwel oleh syarikat minuman keras Carlsberg, Muhyiddin berkata beliau menyerahkan kepada Pengerusi Eksekutif Sukom, Jen (B) Tan Sri Hashim Ali untuk mencari jalan penyelesaian.

"Kalau perlu bincang dengan Carlsberg elok juga. Oleh kerana mereka terikat dengan perjanjian, saya serahkan kepada kebijaksanaan dan budi bicara Hashim dan pengurusan Sukom menyelesaikan masalah ini," kata beliau.

Mengenai perasmian KSN yang dibina dengan kos RM1.2 billion, Muhyiddin berkata pelbagai acara telah disusun dan tiket percuma akan diedarkan mulai Ahad ini di Stadium Merdeka.

Pada hari itu, kata beliau, Dr Mahathir akan menamakan venue-venue yang terdapat di KSN iaitu Stadium Utama, Stadium Tertutup, Stadium Hoki, Kompleks Renang dan Stadium Skuasy serta Stadium Bola Jaring dan Kompleks Boling Padang di Bukit Kiara.

Muhyiddin berkata perasmian itu akan memberi kesempatan pada Sukom dan polis menguji sistem teknologi, kawalan lalu lintas, keselamatan, pengangkutan awam, komunikasi, peralatan teknikal dan sebagainya.

Pra-sukan Komanwel akan diadakan mulai 11 hingga 19 Julai di KSN meliputi acara olahraga, akuatik, skuasy, hoki lelaki dan gimnastik.

Beliau berkata para pengunjung boleh menggunakan sistem LRT secara percuma pada malam perasmian itu manakala tempat meletak kereta disediakan di tapak milik Taman Teknologi dan Kelab Lumba Kuda Selangor.

Dr Mahathir juga dijangka merasmikan Stesen LRT Bukit Jalil pada malam itu.

Pada malam perasmian itu, lagu "Standing In the Eyes of the World" yang digubah khas untuk Dr Mahathir oleh seorang komposer terkenal luar negara akan didendangkan.

Sempena perasmian KSN, satu pesta sukan akan diadakan mulai 9 pagi meliputi acara go kart, roller blade, bola sepak lima sebelah, bola tampar pantai dan pelbagai acara lain.

-- BERNAMA  
AR ZB